

01/02/1997

KBS gugur cadangan had terajui persatuan

CADANGAN untuk mengehadkan tempoh memegang jawatan persatuan sukan di bawah Akta Pembangunan Sukan digugurkan bagi membolehkan ia lebih demokratik dan bukan bagi menimbulkan kekacauan.

Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, adalah tidak adil untuk memasukkan cadangan itu kerana ia berlawanan dengan prinsip demokrasi yang diamalkan di negara ini.

"Jika kita mengenakan syarat itu, pemimpin-pemimpin persatuan akan kerap bersilih ganti dan ini akan menimbulkan masalah," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat tiga jam di pejabatnya di Kuala Lumpur, semalam.

Muhyiddin berkata salinan akta yang dicadangkan itu akan dikemukakan kepada Majlis Olimpik Malaysia (MOM) tidak lama lagi bagi mendapatkan pandangan mereka sebelum kementerian memanggil satu lagi mesyuarat dengan MOM selepas sambutan Hari Raya bulan depan.

Sebelum ini beberapa persatuan sukan serta MOM melahirkan rasa kurang puashati dengan cadangan untuk mengehadkan tempoh jawatan dalam persatuan sukan.

"Lagipun ia berlawanan dengan hak untuk memilih pemimpin," kata Muhyiddin selepas mempengerusikan mesyuarat membincangkan draf akta itu di pejabatnya di Pusat Bandar Damansara, semalam yang dihadiri pegawai dari Pendaftar Pertubuhan (ROS), Majlis Sukan Negara (MSN) dan Jabatan Peguam Negara.

Pada Konvensyen Sukan Kebangsaan di Langkawi April tahun lalu, Muhyiddin berkata kementerianya akan mengkaji keperluan memasukkan fasal khas dalam akta itu bagi mengehadkan tempoh jawatan seseorang pemimpin persatuan.

Cadangan itu hasil daripada saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang ketika merasmikan konvensyen itu mahu pemimpin yang terlalu lama menerajui pertubuhan sukan tetapi gagal membawa perubahan dan kemajuan, memberi laluan kepada pihak lain yang lebih berkemampuan.

Menurut Perdana Menteri kelemahan dan kegagalan mereka bukan kerana perkhidmatan yang terlalu singkat tetapi ramai yang memegang jawatan lebih 10 tahun.

"Akta ini bukannya untuk menimbulkan masalah tetapi menyelesaikannya. Ia akan mewujudkan kelompongan sekiranya pemimpin yang baik terpaksa melepaskan jawatan mereka kerana fasal dalam akta itu.

"Akta ini juga tidak bercanggah dengan peraturan Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa (IOC) dan persekutuan sukan kebangsaan. Pejabat peguam negara sudah menelitinya," kata Muhyiddin.

Katanya lagi persatuan sukan yang kini dikendalikan Pendaftar Pertubuhan (ROS) akan diambil alih oleh Kementerian Belia dan Sukan sebaik sahaja Akta Pembangunan Sukan berkuatkuasa tahun ini.

Muhyiddin berkata satu bahagian yang diketuai seorang Pesuruhjaya Sukan akan dibentuk dalam kementerian bagi memastikan pendaftaran semua persatuan sukan berjalan mengikut prosedur.

Draf cadangan, yang kini di peringkat akhir, dibincangkan pada mesyuarat, semalam.

Akta yang dicadangkan itu akan memberi kuasa kepada menteri untuk mengatasi masalah yang dihadapi persatuan seperti salah pengurusan, masalah kewangan dan perbalahan dalaman.

Katanya rang undang-undang Pembangunan Sukan akan dibentangkan pada persidangan Parlimen, Mac ini.

Muhyiddin berkata pendaftaran itu akan meliputi badan-badan sukan

kebangsaan dan negeri dan segala syarat dan peraturan akan dikemukakan secara terperinci meliputi pembentangan laporan tahunan dan penyata kewangan.

Selain daripada itu syarikat antarabangsa dan persekutuan sukan yang ingin menganjurkan kejohanan harus terlebih dahulu mendapat kelulusan Menteri Belia dan Sukan selain badan-badan sukan kebangsaan.

(END)